



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

**PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM)
TAHUN 2025**

Kementerian Pendidikan (KPM) memaklumkan bahawa peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tahun 2025 akan dilaksanakan pada 12 hingga 24 November 2025. Seramai 4,443 calon telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan STAM Tahun 2025 di 135 pusat peperiksaan di seluruh negara. Bagi memastikan kelancaran pengurusan dan pengendalian peperiksaan ini, seramai 852 petugas peperiksaan telah dilantik.

KPM ingin mengingatkan semua calon peperiksaan STAM Tahun 2025 untuk merujuk jadual waktu peperiksaan bagi mendapatkan maklumat mengenai tarikh, waktu, kod kertas dan nama kertas peperiksaan serta arahan yang perlu dipatuhi semasa peperiksaan berlangsung. Jadual waktu peperiksaan STAM Tahun 2025 boleh dimuat turun dari portal rasmi LP melalui pautan lp.moe.gov.my.

Calon diingatkan supaya membawa dokumen pengenalan diri dan Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan ke pusat peperiksaan. Calon juga hendaklah mematuhi prosedur operasi standard dan peraturan yang ditetapkan bagi memastikan kelancaran pengurusan pengendalian peperiksaan STAM Tahun 2025

KPM cakna dengan keselamatan dan kebajikan calon serta petugas peperiksaan dalam menghadapi sebarang kemungkinan termasuk bencana dan penularan penyakit berjangkit *Influenza-Like Illness* (ILI) sepanjang peperiksaan STAM Tahun 2025 berlangsung. KPM siap siaga dengan mekanisme dan langkah persediaan sewajarnya termasuk bekerjasama dengan agensi lain yang berkaitan.

Calon dinasihatkan untuk memaklumkan kepada pihak sekolah atau jabatan pendidikan negeri (JPN) dengan segera sekiranya terlibat dan terkesan dengan bencana. Calon juga boleh menghubungi bilik gerakan LP dan JPN di seluruh negara seperti di lampiran.

KPM komited untuk melakukan yang terbaik bagi memastikan peperiksaan STAM Tahun 2025 dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

TAMAT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
5 NOVEMBER 2025**

**BILIK GERAKAN LEMBAGA PEPERIKSAAN DAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI**

Lembaga Peperiksaan (03-8889 3520 | 03-8889 3551 | 03-8889 3601)

BIL.	SEKTOR PENTAKSIRAN DAN PEPERIKSAAN, JPN NEGERI	NOMBOR TELEFON
1.	Perlis	04-973 7632 04-973 7631
2.	Kedah	04-740 4237 04-740 4235 04-740 4247
3.	Pulau Pinang	04-263 1472
4.	Perak	05-501 5170 05-501 5177 05-501 5264
5.	Selangor	03-5518 6112
6.	Negeri Sembilan	06-765 3347
7.	Melaka	06-232 6467 06-232 3780
8.	Johor	07-231 0049 07-231 0050 07-231 0051
9.	Pahang	09-571 5736
10.	Terengganu	09-621 3030
11.	Kelantan	09-744 1411
12.	Sabah	013-874 4187 010-955 6458
13.	Sarawak	082-473 527 082-473 519 082-473 534
14.	WP Labuan	087-468 623
15.	WP Putrajaya	03-8889 0083
16.	WP Kuala Lumpur	03-6204 6180